

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[ JERANTUT ]**

**SOALAN**

**DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [ JERANTUT ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan berapa lamakah stok penimbal beras negara mampu bertahan dan berapa peratuskah jumlah yang diimport kerana ianya melibatkan sekuriti makanan negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, stok penimbal beras negara pada ketika ini adalah sebanyak 180,000 tan metrik di seluruh negara. Stok penimbal beras ini mampu bertahan selama 27 hari mengambil kira keperluan bulanan dalam negara adalah sebanyak 200,000 tan metrik sebulan. Walau bagaimanapun, kedudukan stok beras sehingga Oktober 2021 merangkumi stok beras tempatan, stok beras import dan stok penimbal beras negara adalah melebihi keperluan bulanan dan mencukupi bagi tempoh lima (5) bulan.

Keperluan tahunan beras bagi rakyat Malaysia adalah sebanyak 2.5 juta tan metrik manakala pengeluaran beras negara adalah sekitar 70% daripada keperluan tersebut. Oleh itu, negara masih mengimport kira-kira 700,000 hingga 900,000 tan metrik beras setiap tahun atau 30% daripada keperluan bagi menampung kekurangan pengeluaran beras dalam negara dan memenuhi permintaan terhadap beras-beras premium dan istimewa. Negara tidak bergantung sepenuhnya kepada beras import mengambil kira pengeluaran beras dalam negara yang berterusan setiap bulan. Kerajaan turut komited dalam memastikan sekuriti makanan negara khususnya dalam industri padi dan beras sentiasa terjamin dengan menubuhkan pasukan pemantau yang sentiasa memantau kedudukan beras dalam negara dan dilaporkan secara berkala pada setiap minggu.

Pengurusan dan penyimpanan stok penimbal beras dinilai dari pelbagai aspek seperti kualiti beras, jumlah semasa, pengurusan keselamatan dan pelaporan berkala bagi memastikan jaminan terhadap sekuriti makanan negara. Pemantauan tersebut turut dilaporkan bagi penilaian prestasi semasa melalui Jawatankuasa Pemantauan Khas (*Monitoring Committee*) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, Perjanjian Konsesi yang ditandatangani pada bulan Disember 2020 antara Kerajaan Malaysia

## SOALAN NO : 33

dengan Syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) yang lalu telah menetapkan 10 obligasi sosial kepada BERNAS yang akan dipantau serta dinilai setiap tahun oleh Kerajaan. Salah satu obligasi sosial utama adalah untuk memelihara, menyelenggara dan mengurus stok penimbal beras negara dengan mematuhi kesemua garis panduan keselamatan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) sebagaimana ditetapkan oleh Kerajaan. Ini adalah bagi memastikan stok penimbal beras negara sentiasa mencukupi dan berada dalam keadaan yang baik sepanjang masa. Terdapat 31 gudang stok penimbal beras di seluruh negara masing-masing di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Sebagaimana dipersetujui dalam Perjanjian Konsesi yang baharu dengan BERNAS, jumlah simpanan stok penimbal beras negara juga akan ditingkatkan kepada 290,000 tan metrik secara berperingkat menjelang tahun 2023.

Kerajaan akan terus memastikan operasi industri padi dan beras serta rantaianya sentiasa lancar dalam menjamin kelangsungan bekalan makanan ruji negara serta menjamin kecukupan stok beras negara. Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) antara lain merangkumi strategi utama untuk merealisasikan hala tuju baharu dalam memartabatkan industri padi dan beras negara di samping meningkatkan pendapatan pesawah. Matlamat utama DAN 2.0 adalah untuk meningkatkan Tahap Sara Diri (SSL) beras ke tahap 80% dalam tempoh pelaksanaan DAN 2.0 dari tahun 2021-2030. Peningkatan produktiviti padi negara akan membantu memastikan kemampuan bekalan padi dan beras dalam negara sekaligus menjamin sekuriti makanan negara untuk jangka panjang.

Sekian, terima kasih.